

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]

RUJUKAN : 9470

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan orang di Malaysia yang telah dibagi lesen untuk tujuan memiliki senjata api dan bilangan senjata api berlesen yang telah dikeluarkan. Sila nyatakan bilangan lesen senjata api yang dikeluarkan oleh Jabatan Polis, Pejabat Daerah dan juga pihak berkuasa yang lain.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengeluarkan sebanyak 89,771 lesen bagi memiliki senjata api sejak tahun 1960 sehingga 30 Jun 2016. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11,101 di Selangor, 3,278 di Terengganu, sebanyak 1,349 di Perlis, 1,805 di Pulau Pinang, 2,122 di Melaka, 11,600 di Kuala Lumpur, 8,672 di Kedah, sebanyak 7,725 di Johor, 9,948 di Perak, 6,973 di Kelantan, 8865 di negeri Pahang, 6,261 di Negeri Sembilan, 8,887 di Sabah manakala 1,185 di negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak termasuk pemilikan senjata jenis *shotgun* di negeri Sarawak kerana kelulusan *shotgun* negeri Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.